



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (60)

Tarikh: 2 Ogos 2025

MAJLIS PELUNCURAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MBPJ DAN KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2025 PERINGKAT DAERAH PETALING

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini menganjurkan **Majlis Peluncuran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MBPJ dan Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2025 Peringkat Daerah Petaling** yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya bertempat di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin.

Majlis turut menyaksikan Datuk Bandar Petaling Jaya menyempurnakan acara perlepasan konvoi **Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2025 (KMJG 2025) Peringkat Daerah Petaling** yang memilih **Petaling Jaya** sebagai **lokasi hentian kedua** dalam siri jelajah peringkat negeri Selangor. Konvoi ini memulakan perjalanannya semalam dan akan meneruskan pergerakan ke destinasi seterusnya di Sekinchan sebagai hentian ketiga.

Konvoi KMJG 2025 menghimpunkan penyertaan seramai **98 peserta** melibatkan **62 buah kenderaan** daripada pelbagai agensi kerajaan Persekutuan dan negeri, termasuk MBPJ, Jabatan Penerangan Malaysia, Selangor FM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Selangor. Program ini turut disokong oleh kelab pemotoran Harley-Davidson Petaling Jaya menerusi penyertaan 10 buah motosikal berkuasa tinggi.

Majlis ini berjaya menarik kehadiran hampir **1,500 orang pengunjung** serta mendapat penyertaan aktif daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sokongan padu turut dizahirkan menerusi penglibatan rakan strategik seperti persatuan penduduk, institusi pendidikan, institusi kewangan, hospital, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan yang utuh dalam kalangan komuniti Petaling Jaya.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menyatakan bahawa bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan, pelbagai program sisipan telah dirangka dan akan dilaksanakan bermula hari ini sehingga 16 September 2025, melibatkan pelbagai aktiviti berteraskan patriotisme dan keterlibatan komuniti secara menyeluruh.

“MBPJ telah merangka pelaksanaan **23 program** sempena Bulan Kebangsaan 2025 merangkumi aspek kenegaraan, komuniti, kesenian, sukan dan kesihatan awam. Program-program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Ahli Majlis dan jabatan-jabatan berkaitan di beberapa lokasi utama iaitu Laman MBPJ, Dewan Sivik, Stadium MBPJ, taman-taman rekreasi dan pusat komuniti.”, katanya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Majlis hari ini turut membawakan pelbagai pengisian menarik, antaranya pertandingan mewarna kanak-kanak, jualan 'Food Truck', pemberian anak pokok secara percuma, *PJ Eco Free Market*, *Library On Wheels* serta diskaun 50% keahlian Perpustakaan Komuniti PJ. Para pengunjung juga berpeluang memenangi hadiah melalui cabutan bertuah.

Selain itu, turut diadakan kaunter-kaunter pameran perkhidmatan MBPJ, pemeriksaan kesihatan dan pameran interaktif oleh rakan strategik seperti Carsome dan Maybank yang menyemarakkan lagi suasana sambutan.

Kempen Kibar Jalur Gemilang ini bukan sekadar satu acara simbolik, sebaliknya merupakan manifestasi kecintaan, kesetiaan dan semangat cintakan negara yang terpahat kukuh dalam sanubari rakyat. Selari dengan tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 (HKHM2025), "**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**", kempen ini diharap dapat menyemai semangat patriotisme, membangkitkan rasa bangga sebagai warganegara Malaysia serta memperkukuh jati diri kebangsaan khususnya dalam kalangan warga Petaling Jaya.

Lebih daripada itu, inisiatif seperti ini dilihat sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat majmuk yang bersatu padu, hidup harmoni serta saling menghormati antara satu sama lain. Ia menjadi asas penting dalam usaha melakar masa depan negara yang lebih inklusif, sejahtera dan berdaya tahan.

Petaling Jaya akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan, dalam masa yang sama kekal menjunjung tinggi semangat kebangsaan, mendukung nilai-nilai MADANI dan terus subur sebagai sebuah bandar raya yang berjiwa patriotik.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (61)

Tarikh: 4 Ogos 2025

PJ HALF MARATHON 2025 RAI EDISI KE-35, TERUS JADI TUMPUAN KOMUNITI PELARI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Acara larian ikonik yang dinanti-nantikan saban tahun oleh komuniti pelari tempatan dan antarabangsa, **PJ Half Marathon 2025**, kembali mewarnai landskap sukan rekreasi Petaling Jaya dengan penuh semangat dan keterujaan sempena edisi ke-35 penganjurannya.

Bakal menampilkan lima (5) kategori utama iaitu **Larian 30 kilometer (km) Terbuka, 21km Terbuka, 10km Terbuka, 5km Fun Run** serta **1km Fun Run bertemakan kostum**. Edisi tahun ini mencatatkan penyertaan memberangsangkan dengan seramai 8,000 peserta telah mengesahkan kehadiran. Menariknya, sebanyak **250 pelari antarabangsa** dari **34 buah negara** turut mengambil bahagian sekali gus memperkukuh status *PJ Half Marathon* sebagai antara acara larian paling berprestij di Malaysia yang terus mendapat tempat di peringkat antarabangsa.

Bagi menjamin kelancaran dan keselamatan acara, **Polis Daerah Petaling Jaya** akan melaksanakan kawalan lalu lintas secara berperingkat mulai jam **3.30 pagi** di laluan-laluan yang terlibat. Seramai **100 anggota polis trafik** serta **80 pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** akan bertugas sepanjang acara berlangsung. Pihak penganjur turut menyeru agar semua peserta mematuhi arahan lalu lintas serta meletakkan kenderaan di kawasan petak parkir yang disediakan berhampiran PJ State dan tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.

PJ Half Marathon 2025 merupakan anjuran bersama **MBPJ** dan **Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd.** dengan kerjasama **Persatuan Olahraga Para Selangor (POPS)**. Edisi tahun ini juga menyaksikan pertambahan bilangan penaja termasuk organisasi swasta iaitu minuman istonik **100Plus** serta air mineral **Ice Mountain** daripada **F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.**, pakaian jenama **Vrtic**, sumber nutrisi daripada **N8**, rakan pakaian ketahanan **RULe**, sumber pita sukan **ATF Sport Taping**, jenama sukan **Xtep Malaysia**, rakan AED **Primedic** oleh **Nano Medic Care** serta tajaan pasukan *pacer* daripada **Pacemakers Malaysia**.



Turut bersama sebagai rakan penaja ialah **Suunto Malaysia, Hospital Assunta, Mamee Double-Decker Sdn. Bhd., Yong Kang TCM, Kao Malaysia, Guardian Health & Beauty Sdn. Bhd.** dan **S & P Industries Sdn. Bhd.**

Dari aspek keselamatan dan kesihatan, pihak penganjur mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan bilangan anggota perubatan termasuk rondaan bermotosikal dan pasukan paramedik di sepanjang laluan serta lokasi utama acara bagi menjamin tindakan segera sekiranya berlaku sebarang kecemasan melibatkan peserta.

Menariknya, edisi kali ini turut menyaksikan kerjasama strategik bersama **Tourism Selangor** dalam menyemarakkan kempen **Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025)** sekali gus memperkukuhkan lagi imej Petaling Jaya sebagai destinasi sukan dan pelancongan yang dinamik.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (62)

Tarikh: 6 Ogos 2025

MBPJ TUAN RUMAH PENGANJURAN *PLACEMAKER WEEK ASEAN 2025*

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini secara rasminya mengumumkan sebagai tuan rumah rasmi juga penganjur bersama **Placemaker Week ASEAN (PWA) 2025** yang akan berlangsung dari **27 hingga 30 Ogos 2025** bertempat di **Dewan Sivik MBPJ**.

Penganjuran acara serantau berimpak tinggi ini merupakan hasil kerjasama strategik antara **MBPJ**, **Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners – MIP)**, **Placemaking Malaysia** serta **pelbagai rakan sinergi** yang berkongsi visi dalam memperkasa agenda pembangunan bandar berasaskan prinsip *placemaking*.

Placemaker Week ASEAN 2025 merupakan kesinambungan daripada kejayaan edisi sulung *Placemaker Week ASEAN* pada tahun 2019 di Kuala Lumpur yang mengangkat tema "Waterfronts, Historical Streets and Healthy Communities". Tahun ini, dengan tema "**Places That Have Value for People**", PWA 2025 bakal menjadi platform perbincangan rentas bidang yang menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk para pengamal *placemaking*, perancang bandar, pemimpin komuniti, pihak kerajaan dan wakil sektor swasta dari seluruh rantau ASEAN untuk meneroka idea dan pendekatan terkini dalam mewujudkan ruang awam yang berfungsi, inklusif dan bermakna kepada masyarakat dan alam sekitar.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya berkata bahawa pelantikan Petaling Jaya sebagai tuan rumah *Placemaker Week ASEAN 2025* merupakan satu pengiktirafan besar terhadap komitmen MBPJ dalam memperkasa pembangunan bandar berasaskan prinsip keterangkuman dan kesejahteraan komuniti.

"Pemilihan ini membuktikan bahawa Petaling Jaya terus berkembang sebagai sebuah bandar raya yang progresif, berdaya saing dan diyakini di peringkat serantau. *Placemaker Week ASEAN* bukan sekadar persidangan, tetapi ia adalah sebuah platform yang memperjuangkan ruang awam sebagai nadi kehidupan bandar. Di sinilah nilai kemanusiaan, budaya dan keterangkuman diraikan bersama oleh warga kota," katanya.

PWA 2025 dijangka menarik penyertaan ratusan peserta dari dalam dan luar negara dengan pelbagai pengisian menarik seperti **ucapan utama (keynote address)** dari **Datuk Bandar pelbagai negara ASEAN dan pakar-pakar placemaking**, **bengkel praktikal**, **intervensi bandar secara langsung**, **sesi diskusi ahli panel**, **perkongsian ilmu** serta **lawatan teknikal** sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Penganjuran ini turut memfokuskan kepada **empat (4) sub-tema utama** iaitu :-

- i. **Climate and Cities – Fokus Terhadap Iklim Bandar dan Daya Tahan**
- ii. **The ROI of Placemaking – Pulangan Pelaburan dari Penciptaan Ruang**
- iii. **Community Empowerment – Pemberdayaan Komuniti**
- iv. **The role of Government in Placemaking – Peranan Kerajaan dalam Placemaking**

Selain menjadi medan wacana dan pertukaran ilmu, *Placemaker Week ASEAN 2025* turut bertujuan:-

- Mempromosikan tempat awam yang mempunyai nilai kepada masyarakat, dari segi sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar;
- Menggalakkan kerjasama serantau dalam usaha menjadikan bandar lebih inklusif, selamat, mudah diakses dan mampan untuk semua lapisan umur dan latar belakang;
- Menampilkan inisiatif tempatan dan antarabangsa yang berjaya dalam pelaksanaan prinsip placemaking dan reka bentuk sejagat (universal design);
- Memberi ruang kepada komuniti dan golongan rentan untuk bersuara dalam perancangan bandar melalui pendekatan perancangan berasaskan bukti dan penglibatan masyarakat.

Sebagai sebuah acara berimpak tinggi, PWA 2025 juga menyumbang secara langsung kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 11) yang menekankan pembentukan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari.

MBPJ kekal komited dalam mewujudkan persekitaran bandar yang menyokong gaya hidup sihat, inklusif serta mesra komuniti. Kolaborasi ert antara kerajaan tempatan, komuniti dan sektor swasta adalah kunci utama dalam menjayakan agenda pembangunan bandar berasaskan prinsip placemaking.

Melalui penganjuran ini, MBPJ berharap dapat mengetengahkan kejayaan dan inisiatif Petaling Jaya sebagai bandar yang berfokus kepada kesejahteraan komuniti serta menjadi inspirasi kepada bandar-bandar lain di rantau ini untuk terus memperjuangkan pembangunan yang berorientasikan rakyat.

MBPJ turut mengalu-alukan penyertaan semua pihak termasuk pengamal profesional, pemimpin komuniti, pelajar, ahli akademik dan orang awam untuk bersama-sama menjayakan ***Placemaker Week ASEAN 2025***. Bagi mereka yang berminat dan ingin menyertai acara *placemaking* terbesar di rantau ini, **tiket 'Early Bird' kini dibuka sehingga 12 Ogos 2025**. Daftar sekarang di laman sesawang <https://www.cloudjoi.com/shows/3758-placemaker-week-asean-2025>.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**



مجلس بنداراي قتالغ جاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (63)

Tarikh: 10 Ogos 2025

PETALING JAYA JADI TUMPUAN LARIAN DENAI DUNIA DAN TARIKAN REKREASI BANDAR BAHARU

Denai hijau Bukit Gasing kembali bergema dengan derap langkah ratusan pelari lasak tempatan dan antarabangsa apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan **MBPJ Selangor Trail Endurance Series – Series II** hari ini bertempat di **Taman Jaya, Petaling Jaya**. Penganjuran larian denai ini bukan sahaja meraikan keindahan khazanah alam semula jadi bandar raya ini malah mengukuhkan reputasi Petaling Jaya sebagai destinasi sukan rekreasi bertaraf antarabangsa.

Sesi pelepasan pelari disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** pada jam **7.00 pagi**. Penganjuran kali ini merupakan **siri kedua** manakala **siri ketiga** yang dijadualkan pada **2 November 2025** di **Taman Eko Rimba, Kota Damansara** bakal menjadi kemuncak sekali gus menutup tirai kalendar acara larian bagi tahun 2025.

Sebanyak **273 peserta** menyahut cabaran edisi kali ini merangkumi **95 peserta** dalam kategori **5-Hour Endurance** dan **178 peserta kategori Fast Trail**. Kehadiran pelari antarabangsa dari Filipina, Amerika Syarikat, Indonesia, Belanda, Rusia, Jepun dan Singapura selain peserta tempatan membuktikan daya tarikan global acara larian ini. Impaknya turut dirasai komuniti setempat melalui limpahan ekonomi kepada pengusaha inap desa, peniaga kecil dan sektor pelancongan.

Penganjuran ini bukan sekadar menguji daya tahan fizikal malah menjadi platform untuk mempromosikan keindahan laluan denai Bukit Gasing sebagai destinasi ekopelancongan unik di Petaling Jaya. Ia juga menggalakkan kesedaran pemuliharaan alam sekitar dengan mendedahkan peserta kepada ekosistem semula jadi selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) – SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan serta SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan.

Suasana acara turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan untuk semua peringkat usia termasuk senaman *Pound* dan Zumba, pertandingan membina landskap mini, pemeriksaan kesihatan percuma, jualan anak pokok dan bahan pertanian, *food trucks*, pertandingan mewarna, aktiviti *zipline* dan *tree climbing*, jualan *upcycle craft* serta *recycle game* dan pelbagai *fun games* yang menghiburkan pengunjung.

Dalam majlis yang sama, **Tuan Mohd Fauzi bin Maarop, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ** telah **merasmikan Taman Jaya** sebagai salah satu tarikan rekreasi utama bandar raya ini. Projek naik taraf ini melibatkan pendalaman kolam tadahan banjir, pemasangan tembok penahan (gabion) serta pembinaan laluan pejalan kaki yang lebih selamat dan mesra pengguna.



Tarikan terbaharu yang terdapat di Taman Jaya ialah ruang **splash pool**, pusat riadah keluarga yang membolehkan anak-anak bermain air sambil menguatkan koordinasi fizikal dalam suasana santai. Fasiliti ini juga diharap menjadi ruang interaksi sosial yang merapatkan hubungan komuniti.

Kerjasama strategik MBPJ bersama All-Trail Projects dalam penganjuran siri larian ini membuktikan sinergi antara sukan lasak dan pembangunan kemudahan rekreasi mampu memperkukuh aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya sihat, inklusif dan mampan bukan sahaja untuk warga tempatan malah untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (64)

Tarikh: 12 Ogos 2025

MBPJ TUAN RUMAH PENGANJURAN *INTERNATIONAL AIKIDO SHUDOKAN TRAINING CAMP 2025*

Selaras dengan **Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2023 (PJSSR 2030)**, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** kekal komited menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya inklusif yang seimbang dari aspek pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial. Komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif serta program termasuk yang berkaitan dengan seni budaya mempertahankan diri sebagai medium pembinaan sahsiah, disiplin dan kesejahteraan komuniti.

Seiring aspirasi tersebut, **MBPJ** dengan kerjasama **Aikido Shudokan Malaysia** bakal mencipta sejarah apabila menjadi tuan rumah kepada ***International Aikido Shudokan Training Camp 2025***, sebuah program berprestij yang menghimpunkan pengamal Aikido dari seluruh dunia. Acara ini akan berlangsung pada **22 hingga 24 Ogos 2025** bertempat di **Dewan Sivik MBPJ**, pentas pertemuan seni mempertahankan diri bertaraf antarabangsa.

Edisi kali ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan sulung di Kyoto, Jepun dan dijangka mencatat sejarah sebagai **penganjuran terbesar bagi aliran Yoshinkan** dengan penyertaan lebih **150 peserta** dari **18 negara** termasuk **Malaysia, Jepun, Australia, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Korea, Vietnam, Kanada, Republik Czech, Qatar, Belanda, England, Amerika Syarikat, Rusia, Croatia, Poland dan Perancis**.

Penganjuran ini bukan sahaja mengangkat Petaling Jaya di persada antarabangsa, malah memperkukuh disiplin, keselamatan komuniti dan hubungan diplomasi melalui seni mempertahankan diri. **Aikido Shudokan Malaysia**, yang meneruskan legasi **Mahaguru Gozo Shioda** terus memainkan peranan penting dalam menyebarkan teknik, falsafah dan nilai keselamatan yang relevan kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan wanita dan anggota penguat kuasa.

Selain menjadi acara silang budaya, penganjuran kali ini turut mengangkat kepentingan seni dan budaya secara lebih holistik melalui ***Gasshuku Legasi Gozo Shioda***, kem latihan intensif selama tiga (3) hari yang memberi penghormatan kepada visi dan falsafah pengasas gaya Yoshinkan. Ia juga menjadi platform pertemuan jurulatih dan peserta antarabangsa bagi mendalami teknik, falsafah serta disiplin Aikido.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, pada **22 Ogos 2025** akan diadakan **Bengkel "Restraint & Removal – Aiki Concept"** khusus untuk anggota penguat kuasa bertujuan memberi pendedahan kepada teknik praktikal yang relevan dengan tugas harian mereka. Latihan ini memfokuskan kepada teknik alih dan keluar, imobilisasi, kawalan serta pengusiran sekali gus



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam operasi lapangan. Bengkel ini juga bakal mencipta rekod penyertaan penguat kuasa teramai di Malaysia yang akan diiktiraf oleh **Malaysia Book of Records**.

Sementara itu, pada **23 Ogos 2025**, akan diadakan **Bengkel Kesedaran & Pertahanan Diri Wanita** yang memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik pertahanan diri yang mudah, praktikal dan berkesan selain memupuk keyakinan serta kesedaran keselamatan ketika berdepan situasi berisiko. Pada hari terakhir bengkel, akan berlangsung persembahan demonstrasi Aikido yang terbuka kepada umum dan percuma untuk disertai.

Program ini merupakan sebahagian daripada **inisiatif Bandar Selamat MBPJ** bagi memperkasa wanita dengan ilmu keselamatan diri. Bengkel yang dijangka menghimpunkan sehingga 1,000 peserta wanita ini akan dirasmikan oleh **DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin**.

Penganjuran program berteraskan ilmu seperti latihan intensif, bengkel dan sesi silang budaya ini turut memperkukuh imej Petaling Jaya sebagai kota seni dan pusat kesenian serta kebudayaan antarabangsa. MBPJ kekal komited memartabatkan elemen seni, budaya dan sukan mempertahankan diri sebagai sebahagian daripada pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan persekitaran selaras dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)** dan **New Urban Agenda (NUA)**.

Selain sesi latihan dan bengkel, satu **Majlis Makan Malam** akan diadakan bagi meraikan peserta antarabangsa diikuti dengan lawatan dan sesi latihan di Seremban, Negeri Sembilan, lokasi pusat latihan Aikido pertama dan tertua di Malaysia yang telah beroperasi lebih 70 tahun.

Melalui penganjuran berprestij ini, MBPJ yakin Petaling Jaya bukan sahaja diangkat sebagai tuan rumah program antarabangsa yang berimpak tinggi malah terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat kecemerlangan sukan, seni mempertahankan diri dan keselamatan komuniti di rantau ini.

MBPJ menjemput seluruh warga Petaling Jaya dan masyarakat umum untuk hadir menyertai acara ini sambil menghayati serta mempelajari seni mempertahankan diri antarabangsa yang bukan sahaja menampilkan teknik hebat tetapi juga sarat dengan nilai disiplin dan hormat.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (65)

Tarikh: 17 Ogos 2025

PJ HALF MARATHON 2025 EDISI KE-35 TERUS MERIAHKAN PETALING JAYA

Petaling Jaya sekali lagi menjadi tumpuan dunia larian berprestij apabila **PJ Half Marathon 2025** kembali dengan **edisi ke-35** hari ini.

Bermula di **Laman MBPJ**, acara ikonik ini menjadi tumpuan ribuan pelari dari dalam dan luar negara yang disatukan dalam kemeriahan serta suasana penuh warna-warni.

Edisi kali ini menampilkan **lima (5) kategori utama** iaitu **Larian 30 kilometer Terbuka, 21 kilometer Terbuka, 10 kilometer Terbuka, 5 kilometer Fun Run** serta **1 kilometer Fun Run bertemakan kostum**.

Sambutan yang diterima amat memberangsangkan dengan **8,000 peserta** telah mengesahkan penyertaan termasuk **250 pelari antarabangsa** dari **34 buah negara**.

Penyertaan tertinggi direkodkan dari **Jepun dan Singapura** dengan **30 peserta** masing-masing, diikuti **Filipina (25), Netherlands (20) dan India (20)**.

Kehadiran pelari antarabangsa ini sekali lagi mengukuhkan reputasi **PJ Half Marathon** sebagai antara acara larian paling berprestij di Malaysia yang terus mendapat pengiktirafan di peringkat global.

Bagi menghargai pencapaian para peserta, pihak penganjur menawarkan jumlah hadiah keseluruhan berjumlah **RM60,200.00** bagi semua kategori pertandingan.

Hadiah ini bukan sahaja mengiktiraf prestasi cemerlang para pelari, malah menjadi galakan dan penghargaan terhadap semangat kesukanan, daya juang dan komitmen tinggi setiap peserta.

Pelepasan pertama bagi kategori Larian 30 kilometer telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya** pada pukul 3.30 pagi.

Bagi memastikan kelancaran dan keselamatan para peserta, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat kawalan trafik secara berperingkat bermula pukul 3.00 pagi di laluan-laluan terlibat dengan kekuatan anggota seramai **100 orang** dibantu **pegawai penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** seramai **80 orang** yang ditugaskan untuk mengawal lalu lintas.

PJ Half Marathon 2025 merupakan anjuran bersama **MBPJ dan Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd.** dengan kerjasama **Persatuan Olahraga Para Selangor (POPS)**. Edisi tahun ini juga menyaksikan pertambahan bilangan penaja termasuk organisasi swasta iaitu minuman istonik **100Plus** serta air mineral **Ice Mountain** daripada **F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.**, pakaian jenama **Vrtic**, sumber



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

nutrisi daripada **N8**, rakan pakaian ketahanan **RULe**, sumber pita sukan **ATF Sport Taping**, jenama sukan **Xtep Malaysia**, rakan **AED Primedic** oleh **Nano Medic Care** serta tajaan pasukan *pacar* daripada **Pacemakers Malaysia**.

Turut bersama sebagai rakan penaja ialah **Suunto Malaysia**, **Hospital Assunta**, **Mamee Double-Decker Sdn. Bhd.**, **Yong Kang TCM**, **Kao Malaysia**, **Guardian Health & Beauty Sdn. Bhd.** dan **S & P Industries Sdn. Bhd.**

Dari aspek keselamatan dan kesihatan, pihak penganjur turut meningkatkan jumlah anggota perubatan dengan menempatkan pasukan paramedik, rondaan bermotosikal serta petugas kesihatan di sepanjang laluan dan lokasi utama acara bagi memastikan tindakan segera dapat diambil sekiranya berlaku kecemasan.

Menariknya, edisi kali ini turut menjalin kerjasama strategik bersama **Tourism Selangor** dalam menyemarakkan kempen **Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025)**, sekali gus memperkukuh imej Petaling Jaya sebagai destinasi sukan dan pelancongan yang dinamik.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (66)

Tarikh: 17 Ogos 2025

PJ BERGASING 2025 PLATFORM MEMARTABAT WARISAN DAN MENGUKUH PERPADUAN

Di tengah arus kemajuan teknologi yang semakin pesat, permainan tradisional jarang mendapat tempat di hati masyarakat pada masa kini. Antara yang semakin terpinggir adalah **permainan gasing** yang dahulunya sinonim dengan penduduk Pantai Timur serta menjadi simbol keindahan seni warisan bangsa.

Bagi memastikan warisan berharga ini terus dikenali, dihargai dan diwarisi generasi akan datang, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Persatuan Gasing Malaysia (PEGAMA)** telah menganjurkan **PJ Bergasing 2025** bermula **15 hingga 17 Ogos 2025** bertempat di **Perkarangan Tempat Letak Kereta, Kompleks Kolam Renang Kelana Jaya**.

Memasuki edisi kedua penganjurannya, PJ Bergasing tahun ini mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menarik penyertaan hampir **200 peserta** daripada **16 pasukan** yang mewakili persatuan gasing seluruh Malaysia. Lebih membanggakan, acara ini turut disertai **peserta antarabangsa** dari **Brunei Darussalam** dan **Singapura** sekali gus mengangkat PJ Bergasing sebagai **platform warisan berskala serantau**.

Sebanyak **tiga (3) kategori utama** dipertandingkan iaitu **Gasing Warisan, Terbuka** dan **Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Petaling Jaya** yang menawarkan ganjaran wang tunai kepada para pemenang. Menambah keunikan acara ini, **Pertandingan Pakaian Tema** bagi kategori lelaki dan wanita turut diadakan bagi memeriahkan suasana dengan warna-warni busana tradisional.

Penganjuran PJ Bergasing bukan sahaja menjadi medium memartabatkan sukan rakyat, malah berperanan sebagai daya tarikan pelancongan warisan bandar raya ini. Ia selari dengan aspirasi MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah **Kota Seni** kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Pelbagai pengisian berteraskan kebudayaan, kesenian dan hiburan turut diadakan termasuk **pertandingan mewarna, program Kongsi Rezeki** oleh Pasar Saloma serta **persembahan artis dan kumpulan popular** seperti **Cherpen, Betta Band, Dedaun Band, Samudera** dan **Azri Kilauan Emas**. Penampilan istimewa **Man Raja Lawak** turut menghiburkan pengunjung dengan jenaka bersahaja yang mencuit hati.

Lebih menarik, PJ Bergasing 2025 turut menampilkan **Pasar Saloma** sebagai salah satu tarikan utama yang bertemakan Perkampungan Melayu Klasik. Pengunjung dibawa menyelusuri suasana nostalgia era 60-an sambil menikmati pelbagai juadah 'jarang jumpa' seperti **kuih dangai, ubi rebus, punten**, dan **lempeng kelapa** atau *pek nga*.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Untuk makluman, **PJ Bergasing 2025** adalah antara **24 program utama dalam Kalendar Program Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 peringkat MBPJ** yang dianjurkan bagi menyemarakkan semangat cintakan negara serta menyatupadukan masyarakat.

MBPJ yakin melalui penganjuran program seumpama ini mampu mengekalkan minat golongan muda terhadap permainan tradisional sekali gus menyuburkan semangat hidup bermasyarakat, mengeratkan perpaduan dan memastikan seni serta warisan budaya negara terus segar dan tidak pupus ditelan zaman.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (67)

Tarikh: 22 Ogos 2025

MBPJ KOMITED LAHIRKAN KOMUNITI PROGRESIF MELALUI INISIATIF KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) komited untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya inklusif yang seimbang dari aspek pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial. Komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang memfokuskan aspek keselamatan, kesejahteraan komuniti serta pembangunan sahsiah termasuk melalui medium seni mempertahankan diri, ujar **Datuk Bandar Petaling Jaya, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon.**

Dalam ucapnama semasa **Majlis Perasmian Bengkel *Restraint and Removal - Aiki Concept* (Penguatkuasaan)** yang berlangsung pagi ini, beliau menekankan **kepentingan memperkasa pasukan penguat kuasa dengan kemahiran praktikal yang relevan serta sejajar dengan cabaran semasa di lapangan.**

“Bengkel ini bukan sahaja berperanan sebagai medium latihan teknikal, malah turut menjadi platform pembentukan disiplin, ketahanan mental dan semangat profesionalisme dalam kalangan anggota. Latihan ini memfokuskan kepada teknik alih dan keluar, imobilisasi, kawalan serta pengusiran dalam meningkatkan tahap kemahiran, profesionalisme dan kecekapan penguat kuasa ketika melaksanakan tugas harian. Pendekatan ini juga selaras dengan usaha MBPJ dalam memastikan operasi yang dijalankan mematuhi prosedur, selamat dan beretika,” katanya.

Bengkel ini turut mencipta sejarah apabila mencatatkan penyertaan seramai 1,486 anggota penguat kuasa, menjadikannya jumlah teramai di Malaysia sekali gus meraih pengiktirafan daripada **Malaysia Book of Records (MBOR)**. Ia juga menjadi salah satu pengisian utama dalam penganjuran **International Aikido Shudokan Training Camp 2025**, sebuah program berprestij anjuran **MBPJ** dengan kerjasama **Aikido Shudokan Malaysia** yang menghimpunkan pengamal Aikido dari seluruh dunia.

“Program yang berlangsung dari **22 hingga 24 Ogos 2025** ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan penganjuran sulung di Kyoto, Jepun. Edisi kali ini dijangka mencatat sejarah sebagai penganjuran terbesar bagi aliran Yoshinkan,” jelas beliau.

Seramai **150 peserta** dari **18 negara** termasuk **Malaysia, Jepun, Australia, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Korea, Vietnam, Kanada, Republik Czech, Qatar, Belanda, England, Amerika Syarikat, Rusia, Croatia, Poland dan Perancis** mengambil bahagian dalam kem latihan ini yang menampilkan jurulatih-jurulatih terkemuka antarabangsa.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Sebagai sebahagian daripada inisiatif **Bandar Selamat MBPJ**, pada **23 Ogos 2025** akan diadakan **Bengkel Kesedaran & Pertahanan Diri Wanita**. Bengkel ini memberi peluang kepada peserta mempelajari teknik pertahanan diri yang mudah, praktikal dan berkesan selain memupuk keyakinan

serta kesedaran keselamatan ketika berdepan situasi berisiko. Lebih mengujakan, **DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Hajah Norashikin** berkenan mencemar duli merasmikan program ini.

Penganjuran program berteraskan ilmu seperti latihan intensif, bengkel dan sesi silang budaya ini memperkukuh imej Petaling Jaya sebagai kota seni dan pusat kesenian serta kebudayaan antarabangsa.

MBPJ kekal komited memartabatkan elemen seni, budaya dan sukan mempertahankan diri sebagai sebahagian daripada pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan persekitaran selaras **dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan New Urban Agenda (NUA)**.

Melalui penganjuran berprestij ini, MBPJ yakin **Petaling Jaya** bukan sahaja diangkat sebagai tuan rumah program antarabangsa yang berimpak tinggi malah terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat kecemerlangan sukan, seni mempertahankan diri dan keselamatan komuniti di rantau ini.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (68)

Tarikh: 23 Ogos 2025

DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR BERKENAN MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS PERASMIAN BENGKEL KESEDARAN DAN PERTAHANAN DIRI WANITA

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli berangkat ke **Majlis Perasmian Bengkel Kesedaran dan Pertahanan Diri Wanita** anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Aikido Shudokan Malaysia** yang berlangsung di **Dewan Banquet**, hari ini.

Keberangkatan tiba Baginda disambut oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya bersama Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya.

Bengkel ini merupakan sebahagian daripada inisiatif MBPJ dalam memperkasa keselamatan diri wanita, meningkatkan tahap kesedaran terhadap ancaman persekitaran serta memperkenalkan teknik asas pertahanan diri berasaskan seni bela diri Jepun, Aikido yang praktikal dan sesuai diamalkan oleh semua peringkat.

Dalam majlis sama, DYMM Tengku Permaisuri turut berkenan menyaksikan **Penyampaian Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR)** kepada YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya sebagai penganjur bengkel dengan **penyertaan wanita teramai di Malaysia**.

Acara ini merupakan di antara pengisian utama dalam penganjuran **International Aikido Shudokan Training Camp 2025**, sebuah program berprestij yang menghimpunkan pengamal Aikido dari seluruh dunia. Turut berlangsung penyampaian sijil kenaikan pangkat tali pinggang 'Dan' 7 kepada En. Ramlan Ortega Shihan, Ketua Jurulatih Aikido Shudokan Malaysia dan Singapura.

International Aikido Shudokan Training Camp 2025 yang bermula dari **22 hingga 25 Ogos 2025** ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan penganjuran sulung di Kyoto, Jepun. Edisi kali ini dijangka mencatat sejarah sebagai penganjuran terbesar bagi aliran Yoshinkan.

Seramai **150 peserta** dari **18 negara** termasuk Malaysia, Jepun, Australia, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Korea, Vietnam, Kanada, Republik Czech, Qatar, Belanda, England, Amerika Syarikat, Rusia, Croatia, Poland dan Perancis mengambil bahagian dalam kem latihan ini yang menampilkan jurulatih-jurulatih terkemuka antarabangsa.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjccitycouncil](#)

Penganjuran kem selama empat (4) hari ini membuka peluang kepada pelatih Aikido tempatan untuk mengembangkan pengetahuan, mendalami kemahiran seni bela diri dan berkongsi pengalaman bersama jurulatih antarabangsa.

Selain sesi latihan dan bengkel, turut diadakan satu Majlis Makan Malam bagi meraikan peserta luar negara diikuti dengan lawatan dan sesi latihan di Seremban, Negeri Sembilan, lokasi pusat latihan Aikido pertama dan tertua di Malaysia yang telah beroperasi lebih 70 tahun. Pada hari terakhir bengkel, akan berlangsung persembahan **demonstrasi Aikido** yang terbuka kepada umum dan percuma untuk disertai.

Untuk rekod, semalam MBPJ mencatat sejarah melalui **Bengkel 'Restraint and Removal – Aiki Concept' (Penguatkuasaan)** yang berjaya menghimpunkan **1,486 anggota penguat kuasa** menjadikannya penyertaan terbesar di Malaysia dan sekali gus meraih pengiktirafan daripada MBOR.

Aikido merupakan seni bela diri yang unik kerana tidak memerlukan kekuatan fizikal berlebihan untuk melawan sebaliknya memanfaatkan tenaga lawan bagi menangkis serangan. Berbeza dengan seni bela diri yang bersifat agresif, Aikido menekankan pergerakan yang harmoni, kawalan serta teknik efektif seperti melempar, mengunci, menahan dan mengelak menjadikannya sesuai diamalkan oleh semua lapisan masyarakat khususnya wanita.

MBPJ kekal komited untuk memperkasa keselamatan komuniti, membina keyakinan diri wanita dan membina masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan melalui penganjuran program berimpak tinggi seumpama ini.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (69)

Tarikh: 24 Ogos 2025

MBPJ PERKUKUH PERPADUAN KOMUNITI, WARNAI SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN MENERUSI PROGRAM MESRA RAKYAT DAN *DURIAN SARONG RUN 2025*

Taman Bandar SS2, Petaling Jaya hari ini menjadi tumpuan apabila **Program Mesra Rakyat Dewan Negeri (DN) Kampung Tunku** anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** berlangsung meriah dengan pelbagai pengisian menarik yang menggabungkan elemen gaya hidup sihat dan semangat kebersamaan masyarakat.

Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi ini membuka tirai dengan sesi senamrobik zumba sebelum diteruskan dengan acara pelepasan peserta larian ***Kampung Tunku X DKing Durian Sarong Run 2025***, sebuah acara larian bertema unik yang memeriahkan sambutan Bulan Kebangsaan 2025.

Durian Sarong Run 2025 anjuran Ahli Dewan Negeri Kampung Tunku ini menjadi simbolik kepada kepelbagaian budaya rakyat Malaysia serta penghormatan terhadap sejarah Kampung Tunku sebagai salah satu pembangunan bandar pertama di Petaling Jaya yang dinamakan sempena Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul Rahman.

Menyasarkan penyertaan seramai **1,500 peserta**, konsep ***Sarong Run*** dipilih sebagai lambang perpaduan rakyat Malaysia manakala elemen durian pula mencerminkan identiti lokasi penganjuran yang terkenal dengan tarikan kulinari dan gaya hidup unik. Menariknya, inisiatif ini turut memberi fokus kepada penyertaan komuniti berbilang kaum khususnya penduduk majoriti kaum Cina di kawasan perniagaan SS2.

Penganjuran ini selari dengan aspirasi nasional Malaysia Madani yang menekankan keterangkuman dan kesaksamaan dalam kalangan masyarakat majmuk di samping merealisasikan pengiktirafan MBPJ sebagai Bandar Paling Bahagia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain mengeratkan hubungan masyarakat, Program Mesra Rakyat ini juga menjadi platform untuk menyampaikan maklumat berkaitan pelbagai inisiatif, program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis serta Kerajaan Negeri Selangor melalui pameran agensi luar dan kaunter perkhidmatan yang disediakan.

Secara tidak langsung, program ini mampu memupuk hubungan dua hala yang lebih erat antara kepimpinan setempat, warga komuniti dan pihak Majlis di samping mengukuhkan peranan MBPJ dalam memberikan khidmat sosial kepada masyarakat.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Antara pengisian menarik yang dibawakan pada kali ini termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, pameran oleh agensi luar, kaunter perkhidmatan MBPJ, pertandingan mewarna (kategori 5-6 tahun, 7-9 tahun, dan 10-12 tahun), pertandingan bola keranjang 3-on-3 bagi remaja lelaki dan perempuan, sukaneka, cabutan bertuah, cabaran basikal simulasi oleh Clever Speda serta pelbagai lagi aktiviti lain.

Program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Digital Malaysia merangkap Ahli Parlimen Damansara. Turut hadir YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan & Pelancongan Negeri Selangor, YB Puan Lim Yi Wei, ADN Kampung Tunku, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dan En. Loh Y Lun, Ahli Majlis MBPJ Zon 8.

MBPJ kekal komited untuk memperkukuh keterlibatan masyarakat melalui program berimpak tinggi yang menyokong gaya hidup sihat, semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2030.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (70)

Tarikh: 27 Ogos 2025

MBPJ JULUNG KALI ANJUR *PLACEMAKER WEEK ASEAN 2025*, PERKUKUH PERANAN PETALING JAYA SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF BERORIENTASIKAN KOMUNITI

Petaling Jaya mencatat sejarah apabila buat pertama kalinya menjadi tuan rumah kepada penganjuran ***Placemaker Week ASEAN (PWA) 2025***, sebuah acara berprestij bertaraf ASEAN yang menghimpunkan ratusan peserta tempatan dan antarabangsa.

Bertemakan “**Places That Have Value for People**”, PWA 2025 berlangsung dari **26 hingga 30 Ogos 2025** di **Dewan Sivik MBPJ** dengan matlamat memperkukuh agenda pembangunan bandar berasaskan prinsip *placemaking*, iaitu pembangunan ruang awam yang inklusif, berdaya huni dan berpusatkan komuniti.

Majlis perasmian PWA 2025 disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, yang turut menggariskan kedudukan Petaling Jaya sebagai bandar pertama di negara ini menerima pengiktirafan **Bandar Mesra Kanak-Kanak** oleh UNICEF serta dinobatkan sebagai salah satu **bandar paling bahagia di Malaysia** oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pengiktirafan ini menegaskan pencapaian Petaling Jaya sebagai bandar raya progresif yang mengutamakan kesejahteraan masyarakat dan kualiti hidup rakyatnya.

Penganjuran ini merupakan kerjasama strategik antara **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**, **Malaysian Institute of Planners (MIP)**, **Placemaking Malaysia** serta pelbagai **rakan strategik serantau**. Acara berimpak tinggi ini menjadi platform penting untuk perkongsian idea, inovasi dan amalan terbaik dalam mencipta bandar yang lebih mesra komuniti dan mampan.

Antara pengisian utama PWA 2025 termasuk **ucapan dasar** oleh **Datuk Bandar ASEAN**, bengkel interaktif dan projek intervensi bandar dan lawatan teknikal ke lokasi *placemaking* terpilih di Selangor dan Kuala Lumpur. Lebih menarik, program ini turut menampilkan **49 penceramah** yang terdiri daripada 25 pakar antarabangsa dan 24 pakar tempatan dalam bidang perancangan bandar, seni bina, pembangunan hartanah, akademik dan kepimpinan komuniti.

Selain itu, MBPJ turut memperkenalkan beberapa inisiatif baharu yang bersifat inklusif dan mesra komuniti termasuk perpustakaan mainan (toy libraries) serta kemudahan awam yang direka bentuk berdasarkan prinsip kemampuan dan aksesibiliti. Ahli Majlis Kanak-Kanak MBPJ juga akan menganjurkan sesi khas bagi memastikan pandangan golongan muda turut diambil kira dalam perancangan bandar masa hadapan.

PWA 2025 memberi fokus kepada **empat (4) sub-tema utama** iaitu **Climate and Cities** (fokus terhadap iklim bandar dan daya tahan), **The ROI of Placemaking** (pulangan pelaburan daripada



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

penciptaan ruang awam), **Community Empowerment** (pemberdayaan komuniti) dan **The Role of Government in Placemaking** (peranan kerajaan dalam *placemaking*).

Selain menjadi medan pertukaran ilmu, PWA 2025 juga berperanan mempromosikan kepentingan ruang awam yang memberi nilai tambah kepada masyarakat dari segi sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar. Penganjuran ini menggalakkan kerjasama serantau bagi mewujudkan bandar inklusif, selamat, mudah diakses dan mampan untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia atau latar belakang.

Di samping itu, acara ini turut menampilkan pelbagai inisiatif tempatan dan antarabangsa yang berjaya dalam melaksanakan prinsip *placemaking* dan reka bentuk sejagat (universal design). Acara ini turut memberi ruang kepada komuniti termasuk golongan rentan untuk menyuarakan pandangan dalam perancangan bandar melalui pendekatan perancangan berasaskan bukti serta penglibatan masyarakat secara menyeluruh.

Dengan penyertaan pelbagai pihak, termasuk komuniti tempatan dan antarabangsa, PWA 2025 diyakini menjadi pemangkin kepada transformasi bandar-bandar di rantau ini untuk terus memperjuangkan pembangunan berorientasikan rakyat selaras dengan matlamat menjadikan bandar lebih mesra manusia dan berdaya huni.

Melalui penganjuran PWA 2025, MBPJ beriltizam untuk terus menjadi peneraju dalam mengangkat konsep pembangunan bandar berasaskan komuniti. Inisiatif ini memperkukuh aspirasi Petaling Jaya untuk kekal sebagai bandar raya berdaya huni, mesra komuniti dan mampan di samping menjadi model rujukan kepada bandar-bandar lain di rantau ini dalam usaha memperkukuh kesejahteraan masyarakat dan kelestarian bandar.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (71)

Tarikh: 31 Ogos 2025

MBPJ LAKAR SEJARAH EDISI SULUNG KEJOHANAN BADMINTON BERPASUKAN PIALA DATUK BANDAR PETALING JAYA, 16 PASUKAN REBUT KEJUARAAN

Sejarah tercipta apabila buat julung kalinya **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Malaysian Indian Badminton Association (MIBA)** menganjurkan **Kejohanan Badminton Berpasukan Piala Datuk Bandar Petaling Jaya 2025** yang menghimpunkan **16 pasukan** dari pelbagai negeri berentap merebut kejuaraan.

Majlis penutup kejohanan telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** bertempat di **Gelanggang Badminton, Dewan D' Klana, Jalan Stadium SS7/15, Petaling Jaya**. Turut hadir, **Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar** dan **En. Mohamed Hamka bin Mohamed Jumah, Ahli Majlis MBPJ Zon 22**.

Dalam ucapannya, **Datuk Bandar** menzahirkan penghargaan atas sambutan luar biasa yang diterima pada edisi sulung kejohanan ini yang menyaksikan penyertaan **16 pasukan dari Selangor, Kuala Lumpur** serta **satu (1) pasukan dari Perlis** dengan penglibatan seramai **96 peserta**.

"Sambutan hangat daripada semua pihak amat membanggakan dan membuktikan semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Saya yakin setiap pasukan telah memberikan aksi terbaik. Diharapkan semangat berpasukan dan disiplin tinggi yang ditunjukkan dapat diterapkan dalam kehidupan seharian," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa MBPJ komited untuk terus memperkasa agenda pembangunan sukan komuniti sebagai usaha meningkatkan gaya hidup sihat dan mengeratkan perpaduan.

Kejohanan yang berlangsung pada **30 hingga 31 Ogos 2025** ini bukan sahaja membuka peluang kepada bakat muda khususnya sekitar Petaling Jaya untuk bersaing secara kompetitif, malah mengasah kemahiran strategik, kepimpinan dan semangat berpasukan.

Selain memfokuskan kepada pembangunan sukan, inisiatif ini turut menjadi medan penyatuan masyarakat pelbagai kaum, menyemarakkan semangat perpaduan dan keharmonian nasional sempena sambutan Bulan Kemerdekaan ke-68.

Sebanyak **lima (5) kategori** dipertandingkan iaitu **Bawah 10 Tahun – Perseorangan Perempuan, Bawah 10 Tahun – Perseorangan Lelaki, Bawah 13 Tahun – Perseorangan Perempuan, Bawah 15 tahun – Perseorangan Lelaki dan Beregu Lelaki (Amatur)**.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Pasukan Johan menerima hadiah wang tunai **RM2,500**, **Naib Johan RM1,500**, manakala **tempat ketiga bersama membawa pulang RM750** setiap satu, selain **pingat** dan **cenderahati**. Jumlah keseluruhan hadiah bagi kejohanan ini adalah sebanyak **RM5,500**.

Penganjuran Kejohanan ini turut menerima sokongan padu daripada beberapa syarikat korporat dan badan sukan yang menyokong penuh inisiatif pembangunan badminton tempatan. Antara rakan penaja termasuk **Selangor Badminton Association (SBA)**, **Destiny Badminton Academy**, **Vida**, dan **Club ZEAL SPORT** yang menyumbang dalam pembangunan bakat, penyediaan peralatan serta sokongan teknikal siaran langsung sepanjang kejohanan berlangsung.

Majlis turut merakamkan penghargaan kepada **RAK** yang memperkenalkan **sistem kiraan mata digital terkini** bagi menggantikan kaedah lama sekali gus meningkatkan profesionalisme kejohanan dan memartabatkan sukan badminton di Malaysia.

Sebagai kesinambungan daripada kejayaan penganjuran ini, MBPJ dengan kerjasama MIBA merancang untuk menjadikan kejohanan ini sebagai **acara tahunan** yang akan diadakan pada tarikh 29 hingga 30 Ogos 2026 bersempena sambutan Hari Kebangsaan.

MBPJ yakin kejohanan ini mampu menjadi pemangkin kepada lebih banyak program pembangunan sukan di peringkat akar umbi seterusnya melahirkan generasi atlet yang berdisiplin, berkualiti dan berdaya saing.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695